



Dialog Damai Selatan Thailand yang Tersekat

Briefing Asia Crisis Group N°176

Bangkok/Brussels, 25 Mei 2023. Diterjemahkan daripada edisi bahasa Inggeris

Apa yang baru? Setelah mencapai persetujuan dengan kerajaan Thai atas peta hala tuju (roadmap) untuk kedamaian pada Februari, kumpulan pemberontak Barisan Revolusi Nasional (BRN) menggantung dialog damai untuk menunggu pembentukan kerajaan baru selepas pilihan raya umum pada Mei. Penggantungan tersebut menunjukkan masalah-masalah yang serius, dan penundaan ini akan berterusan untuk beberapa bulan lagi.

Kenapa ini penting? Tergantungnya penyertaan BRN dalam dialog damai mencerminkan perselisihan faham dalaman atas hal ini, dan sayap tenteranya masih mencurigai reka bentuk serta objektif dialog ini. Kecurigaan ini mungkin boleh membawa kepada perpecahan kumpulan berkenaan, yang akan menjejaskan harapan bagi perdamaian. Keterlibatan masyarakat umum dalam proses damai juga masih terhad.

Apa yang harus dilakukan? Kepimpinan senior BRN harus menyertai dialog dengan mengadakan perwakilan yang seimbang antara sayap politik dan sayap tentera dalam delegasinya untuk mengelakkan perpecahan. Dalam melaksanakan konsultasi awam tentang penyelesaian, kerajaan Thai harus memberikan perlindungan undang-undang terhadap perwakilan BRN dan juga mereka yang terlibat dalam perbincangan awam.

I. Gambaran Keseluruhan

Rundingan antara kerajaan Thai dan kumpulan pemisah Melayu-Muslim Barisan Revolusi Nasional (BRN) sedang berlangsung. Pusingan dialog terakhir pada akhir Februari membuka landasan baru kerana para pihak membina peta hala tuju yang menuju persetujuan damai untuk menyelesaikan konflik yang berpanjangan selama dua dekad. Sejak itu BRN menolak pertemuan selanjutnya dengan alasan untuk menunggu pembentukan kerajaan baru setelah pilihan raya pada 14 Mei. Namun, jawapan yang diberikan ini mungkin hanya alasan. Delegasi BRN terperangkap antara kepentingan yang saling bersaing, iaitu: menggerakkan proses ke depan dengan mencapai persepakatan dan menjaga kepercayaan sayap tentera yang masih menuju ke kemerdekaan. Delegasi BRN menghadapi risiko yang akan dasingkan daripada pejuang di lapangan, dan ini pula memungkinkan perpecahan kumpulan tersebut. Jika dialog disambung

semula, perubahan struktur dan prosedur mungkin bermanfaat, seperti perwakilan yang seimbang antara sayap politik dan sayap tentera dalam delgasi BRN, penubuhan suruhanjaya parlimen untuk menyelia proses dialog dan menyediakan ruang untuk hubungan secara tak formal. Penyelesaian yang berkekalan juga memerlukan konsultasi tentang penyelesaian politik dengan masyarakat umum di wilayah sempadan selatan Thailand.

Pada bulan Mei, BRN secara senyap menggantungkan penyertaannya dalam dialog damai untuk menamatkan pemberontakan. Kumpulan tersebut berjuang untuk apa yang dianggap sebagai pembebasan tanah air orang Melayu, Patani, yang merangkumi sebahagian besar empat wilayah sempadan selatan Thailand. Penggantungan ini memberikan tamparan terhadap proses damai yang mula membawa harapan yang sederhana. Pada tahun yang lalu, para pihak bersetuju atas prinsip-prinsip tertentu sebagai garis panduan dialog, iaitu, mencari penyelesaian politik yang sesuai dengan kehendak komuniti Patani dan selaras dengan perlembagaan Thai, dan juga mengurangkan keganasan semasa konsultasi dengan masyarakat umum tentang penyelesaian dilaksanakan.

Walaupun BRN menyifatkan penundaan ini sebagai langkah untuk menunggu pembentukan kerajaan baru setelah pilihan raya Mei, terdapat juga pertimbangan yang lain. Pertama dan yang paling utama, keputusan kumpulan pemberontak ini untuk undur daripada proses mencerminkan ketegangan dalaman tentang hala tuju dialog. Para pihak bersetuju pada Mac2022 untuk mencari penyelesaian politik yang sejajar dengan perlembagaan Thai, dan ada yang menganggap bahawa gerakan ini telah pun menolak cira-cita lamanya untuk mencapai kemerdekaan melalui meja rundingan. Sayap tentera yang menolak ketentuan seperti ini pula menyatakan bantahannya terhadap dialog melalui operasi ketenteraan yang semakin kerap dan berskala besar. Para pejuang lebih memilih mati dalam pertempuran dengan pihak keselamatan daripada menyerah diri. Semakin ramai orang Melayu Muslim yang memberikan kehormatan kepada mereka sebagai syahid dalam perarakan jenazah, dan hal ini menunjukkan kemungkinan bahawa keganasan akan lebih dahsyat.

Usaha kerajaan Thai untuk menjaga keselamatan di wilayah-wilayah paling selatang sering menunjukkan bahawa hubungan antara kerajaan dan masyarakat tidak terjamin – dan sering dipersoalkan sama ada usaha sedemikian mempunyai keabsahannya (legitimacy) atau tidak. Kebimbangan ini berpunca daripada penaklukan wilayah berkenaan dan pembinaan negara Thai yang mendahului pemberontakan sekarang. Pertunjukan jati diri Melayu Patani dan perbincangan tentang hak untuk menentu nasib sendiri menggelisahkan ramai pegawai Thai; pihak berkuasa selalu mengganggu para aktivis, dan memutarbelitkan maklumat. Seseengah pegawai keselamatan masih menggemari cara-cara yang melumpuhkan BRN, termasuk penggunaan kekerasan, terutamanya dalam bentuk operasi pengepungan dan penggelodahan (cordon-and-search operations) yang sering berakhir dengan pembunuhan suspek oleh tentera. Maklumat daripada kerajaan yang mengelirukan dan tanggapan bahawa kerajaan juga sengaja melambatkan dialog damai – termasuk juga penolakan untuk menandatangani sebarang persetujuan – menambahkan kehampaan bagi orang ramai di wilayah sempadan selatan.

Namun, oleh kerana dialog damai mempunyai matlamat kemanusiaan untuk menamatkan konflik – dan tiada mana-mana pihak yang berniat untuk menyetepikannya – maka para pihak harus menumpukan perhatian kepada langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengukuhkan landasannya. Sebagai permulaan, kerajaan baru Thai harus berusaha untuk menyambung proses semula sesegera mungkin, kerana BRN telah pun menyatakan bahawa ia akan kembali ke meja rundingan setelah kerajaan baru dibentuk. Kedua-dua pihak juga perlu bersedia untuk merencanakan perbincangan tentang isu-isu pokok (substantive issues), termasuk juga tentang apakah bentuk penyelesaian jangka panjang bagi konflik.

Beberapa perubahan patut dilakukan tentang struktur dan proses dialog. BRN perlu menangani perselisihan dalaman yang menjadi halangan bagi kemajuan proses. Mereka juga harus memastikan agar sayap tenteranya mempunyai wakil yang secukupnya dalam delegasi dialog BRN. Kepimpinan tertinggi BRN perlu memainkan peranan yang lebih aktif dalam dialog, baik untuk menghilangkan rasa curiga tentang sama ada dialog damai disokong oleh sayap tentera atau tidak, dan juga untuk menunjukkan kepercayaan mereka terhadap penyelesaian politik. Kerajaan baru Thai, setelah pembentukannya, harus menubuhkan suruhanjaya parlimen untuk memantau dialog damai, kerana ia boleh menjamin kesinambungan dialog walaupun kerajaan itu bertukar, dan juga boleh membantu penglibatan orang-orang Patani dalam proses damai melalui wakil rakyat yang dipilih.

Para aktor luar juga boleh membantu. Malaysia, sebagai fasilitator dialog damai, menekan pemberontak untuk menghapuskan perbincangan secara tak rasmi dengan kerajaan Thai. Langkah ini ternyata untuk mengekalkan pengaruhnya terhadap proses. Dengan sejarah kerajaan Malaysia yang selama ini memberikan perlindungan kepada BRN, maka kehendak kerajaan Malaysia sukar untuk ditolak bagi mereka. Setelah pilihan raya di Malaysia, kemenangan Perdana Menteri Anwar Ibrahim, yang mempunyai hubungan dengan wilayah-wilayah sempadan selatan Thai, bersama pelantikan fasilitator baru, memberikan harapan untuk kemajuan proses kepada sesetengah pihak, tetapi para anggota BRN secara peribadi masih menyatakan rasa tidak puas hati terhadap tekanan daripada kerajaan Malaysia yang mahu menghapuskan perbincangan secara tidak rasmi dengan Thailand. Sikap seperti ini tidak akan membantu proses: para pihak perlu ada peluang untuk pertukaran secara tidak rasmi untuk mencuba gagasan dan mengetahui had tuntutan mereka. Malaysia harus bekerjasama dengan mereka untuk mengadakan aturan yang lebih terbuka supaya pertukaran secara tidak rasmi dapat disambungkan.

Kedua-dua pihak juga perlu menangani perasaan di kalangan rakyat wilayah sempadan selatan bahawa dialog damai terpisah daripada kepentingan orang tempatan dan tidak ada jalan bagi mereka untuk menyertainya secara berkesan. Jika dialog tidak mengambil kira aspirasi politik orang Patani, maka ada risikonya bahawa dialog hanya akan menjadi amalan perhubungan awam, sementara kumpulan pemisah pula tetap berpegang kepada strategi berdasarkan penggunaan kegunaan. Bagi pihak berkuasa pula, peningkatan kebebasan bersuara akan dapat membantu. Kerajaan mungkin tidak selesai dengan

konsultasi awam tentang perubahan status quo politiknya, tetapi mereka harus menahan keinginan untuk mengawal forum atau perbicaraan awam terlalu ketat. Kepada perwakilan BRN yang berada di luar negara, dan antaranya ramai yang ada waran tangkap bagi kes-kes keselamatan, kerajaan harus memberi jaminan bahawa mereka dapat menyertai konsultasi awam tanpa diambil sebarang tindakan undang-undang. Kerajaan juga harus mencari pihak ketiga yang sewajarnya sebagai orang tengah dan pemantau perbincangan agar rakyat di wilayah sempadan selatan menganggap proses ini sebagai adil. Kedua-dua pihak bukan sahaja perlu mencapai persetujuan, mereka juga perlu mendapat sokongan daripada orang-orang yang akan menjalankan kehidupan di bawah peraturan yang disetujui.

II. Perjalanan Dialog

Dialog antara kerajaan Thai dan BRN, sebuah kumpulan pemisah yang berlawan dengan pemerintahan Thai sejak 2004, bermula secara rasmi dengan penandatanganan atas Konsensus Umum Dialog Damai (the General Consensus on Peace Dialogue) pada 28 Februari 2013.¹ Atas persetujuan kedua-dua pihak, Malaysia bertindak sebagai fasilitator. Tetapi dialog fasa sekarang, yang membawa BRN ke meja rundingan tanpa paksaan buat kali pertama, bermula pada Januari 2021 menurut Inisiatif Berlin (16 November 2019), satu persetujuan untuk menjalankan dialog berdasarkan “prinsip-prinsip yang diterima oleh kedua-dua pihak, iaitu, keikhlasan, kejujuran, maruah kemanusiaan, inklusiviti dan keadilan”.² Persetujuan yang menjadi mercu tanda ini merupakan hasil daripada perhubungan secara tidak rasmi yang diselenggarakan oleh Pusat Dialog Kemanusiaan (Centre for Humanitarian Dialogue) yang beribu pejabat di Geneva.

Laporan-laporan Crisis Group terdahulu telah meliputi proses dialog sehingga pertemuan Pasukan Kerja Bersama – Dialog Damai Selatan Thailand (Joint Working Group – Southern Thailand Peace Dialogue) keempat, yang berlangsung pada awal 2022.³ Bahagian ini menyusuli perkembangan di meja rundingan dan

¹ Konflik ini kebanyakannya terbatas di wilayah-wilayah Narathiwat, Pattani dan Yala, dan empat buah daerah di tenggara Wilayah Songkhla: Chana, Na Thawi, Saba Yoi dan Thepa. Laporan ini merujuk kepada kawasan ini sebagai “wilayah sempadan selatan” atau “Patani”. Patani dengan sebuah huruf T adalah ejaan bahasa Melayu, digunakan untuk merujuk kepada tanah bekas jajahan kesultanan Patani dalam sejarah. Pattani dengan dua buah huruf P pula ejaan bagi nama wilayah berkenaan. Jumlah penduduk daerah konflik ini adalah sekitar dua juta orang, dan kira-kira 84 peratus adalah Melayu-Muslim, dan kebanyakan yang lain adalah penganut agama Buddha keturunan Thai atau Cina. Perangkaan penduduk ini diambil daripada The Peace Dialogue Panel, *The Peace Dialogue Process in Southern Border Provinces*, Julai 2017, p. 31.

² “Penjelasan Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani (BRN) tentang Rekabentuk Proses Dialog Damai (Inisiatif Berlin)”, 30 Oktober 2022.

³ Bagi laporan awal tentang dialog damai, sila lihat Laporan-laporan Asia Crisis Group Asia N°304, *Southern Thailand’s Peace Dialogue: Giving Substance to Form*, 21 January 2020; dan N°270, *Southern Thailand: Dialogue in Doubt*, 8 Julai 2015. Lihat juga Briefings Asia Crisis

peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan dialog sejak itu, bermula daripada pertemuan kali keempat yang berlangsung pada 31 Mac-1 April 2022.

A. Hasil Pusingan Keempat

Dua hasil utama daripada dialog pusingan keempat di Kuala Lumpur ialah persetujuan tentang Prinsip Am Proses Dialog Damai (General Principles of the Peace Dialogue Process), “berdasarkan semangat dan kandungan Konsensus Am (General Consensus) dan Inisiatif Berlin (Berlin Initiative)”, dan Inisiatif Damai Ramadan (Ramadan Peace Initiative), iaitu usahasama untuk mengurangkan keganasan selama beberapa minggu dalam bulan suci bagi Muslim. Kedua-dua perkembangan ini nampaknya menjamin kemajuan.

Prinsip Am menyatakan bahawa BRN dan kerajaan Thai mempunyai wawasan yang sama tentang bagaimana dialog akan dijalankan. Walaupun isi dokumen tersebut sudah jelas daripada pernyataan yang dikeluarkan oleh kedua-dua pihak setelah pertemuan kali keempat, teksnya tidak diumumkan sehingga BRN mengeposnya secara atas talian pada Oktober 2022.⁴ Teks ini menyatakan wawasan untuk mencapai persetujuan (damai) demi menyelesaikan konflik buat kali pertama, walaupun kandungannya secara umum sahaja. Kedua-dua pihak akan berusaha untuk mencapai persetujuan dalam mengurangkan keganasan, menubuhkan sebuah mekanism konsultasi dengan masyarakat umum untuk mendengar “pendapat dan keperluan” dan mencapai “penyelesaian politik yang sejajar dengan kehendak komuniti Patani di bawah Negara Kesatuan Thailand sesuai dengan Perlembagaan”.⁵ Seperti yang akan dibincangkan di bawah, frasa belakang ini amat mustahak (dan bagi sesetengah anggota BRN, menimbulkan kontroversi) kerana sesetengah pihak menyatakan bahawa BRN telah meninggalkan matlamat lama untuk mencapai kemerdekaan.

Inisiatif Damai Ramadan (Ramadan Peace Initiative) juga merupakan langkah yang penting. Pihak berkuasa melaporkan bahawa dalam tempoh gencatan senjata antara 3 April dan 14 Mei tiada keganasan yang dilakukan oleh BRN. Sekurang-kurangnya satu serangan oleh pihak pemberontak berlaku dalam tempoh berkenaan: serangan bom pada 15 April yang membunuh seorang awam dan mencederakan tiga orang pegawai polis di Daerah Saiburi, Pattani. Risalah yang ditinggalkan di tempat kejadian merujuk kepada dua kumpulan yang selama ini tidak dikenali, yang kemungkinan juga kumpulan palsu, G5 dan Tentera Diraja Patani (the Royal Patani Army).⁶ Patani United Liberation

Group N°172, *Sustaining the Momentum in Southern Thailand's Peace Dialogue*, 19 April 2022; and N°148, *Southern Thailand's Peace Dialogue: No Traction*, 21 September 2016.

⁴ Kedua-dua pihak tidak menandatangani Prinsip Am, tetapi mengeluarkan surat pengesahan dokumen, *Penyataan Media*, Sekretariat Rundingan Damai, Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani (BRN), 1 April 2022.

⁵ Prinsip Am Proses Dialog Damai, 31 Mac 2022.

⁶ Kecanggihan serangan bom yang menggunakan tiga jenis alat letupan reka ganti (improvised explosive devices) dengan mekanism letupan yang berlainan, menunjukkan penglibatan anggota BRN yang berkemahiran, sama ada oleh pakar yang diupah daripada kumpulan bersenjata yang lain, atau anggota yang tidak berpuas hati dan mahu menyatakan rasa tidak

Organisation (PULO), sebuah kumpulan pemisah yang pengaruhnya pernah kuat tetapi sekarang berkurangan, menyatakan tanggungjawab atas serangan tersebut untuk menunjukkan rasa tidak puas hati kerana tidak terlibat dalam dialog.⁷ Namun kerajaan Thai pula segera menyatakan bahawa serangan bom ini tidak akan mengganggu dialog. Pihak keselamatan Thai juga mengurangkan operasinya sepanjang Ramadan.

Namun tanda-tanda tidak puas hati pula muncul di kalangan para pejuang BRN. Pada 1 Mei 2022, Jabatan Penerangan kumpulan tersebut, yang berucap bagi pihak sayap tentera, mengedarkan video ucapan Hari Raya Aidilfitri pada akhir bulan Ramadan. Tidak seperti nada lembut dalam pernyataan delegasi BRN setelah pusingan keempat, video ini menuduh keganasan oleh pasukan keselamatan Thai yang semakin bertambah, dan menyifatkan “Siam” sebagai “syaitan”.⁸ Yang lebih membimbangkan, video ini juga menggambarkan dialog damai tidak menepati standard antarabangsa – dengan jelas merujuk kepada perantaraan yang tidak memihak sebelah dan pemantauan negara asing – dan menegaskan bahawa matlamat BRN adalah mencapai kemerdekaan. Sejak itu, nampaknya jurang pemisah antara delegasi rasmi BRN dan sayap militernya semakin melebar.

B. *Pusingan Kelima*

Delegasi BRN dan kerajaan bertemu semula di Kuala Lumpur pada 1-2 Ogos 2022 untuk dialog pusingan kelima. Menurut pernyataan yang dikeluarkan oleh kedua-dua pihak setelah pertemuan, mereka melakukan penilaian Inisiatif Damai Ramadan bersama dan bertukar pandangan tentang cadangan gencatan senjata serta cara-cara untuk menjalankan konsultasi awam seperti yang dinyatakan dalam Prinsip Am. Pernyataan kerajaan memfokuskan keperluan untuk “mekanisme pemantauan bersama” bagi sebarang pengurangan permusuhan dan menegaskan cadangan delegasi Thai untuk pengurangan keganasan fasa kedua. Menurut pernyataan BRN, kumpulan ini menyerahkan draf cadangan atas konsultasi awam, dan menegaskan bahawa kerajaan Thai perlu memberikan perlindungan undang-undang bagi perwakilan yang menyertainya (bagi mereka yang menghadapi risiko dari segi undang-undang di Thailand) dan kedua-dua pihak harus mengurangkan keganasan. Kumpulan ini juga mengemukakan cadangan agar kedua-dua pihak menandatangani sebarang persetujuan yang disepakati di meja rundingan. Delegasi Thai menolak berbuat demikian, dengan alasan bahawa penandatanganan tidak diperlukan bagi persetujuan awal, tetapi ternyata sikap ini lahir daripada kebimbangan untuk

puas hati tersebut terhadap proses dialog kepada pimpinan. Wawancara melalui telefon oleh Crisis Group, penganalisis keselamatan, Bangkok, Mei 2023.

⁷ Kasturi Mahkota daripada PULO berkata, “Dialog ini tidak bersifat inklusif dan terlalu cepat”. “Kerajaan Thai menyatakan bahawa serangan bom pada bulan Ramadan tidak mengganggu proses dengan pemberontak”, Reuters, 17 April 2022. Menurut pihak polis, empat kejadian keganasan lain dalam Ramadan, termasuk pembunuhan ketua badan pentadbiran mukim pada 23 April adalah akibat pertelingkahan peribadi atau perniagaan.

⁸ Pernyataan Jabatan Penerangan BRN, video, YouTube, 1 Mei 2022. Penggunaan istilah “Siam”, bukan “Thai” mengingatkan penaklukan Patani oleh Bangkok pada abad ke-18 dan ke-19.

memberikan legitimasi kepada BRN atau menyusahkan kerajaan dari segi undang-undang.⁹

Kata-kata dan kelakuan BRN pada bulan-bulan berikut menimbulkan kesamaran dalam dialog, yang membawa harapan dan juga keraguan. Hanya dua minggu setelah pusingan kelima, pada malam 16-17 Ogos 2022, BRN menunjukkan kemampuannya dalam melaksanakan operasi terselenggara melalui siri serangan bom dan pembakaran terhadap tujuh belas buah kedai serbaneka dan stesen minyak yang berlaku pada waktu yang hampir sama di wilayah Pattani, Narathiwat dan Yala. Tidak seperti biasa, kali ini BRN mengaku tanggungjawabnya dalam Facebook pada 18 Ogos, dan menyatakan penyesalan terhadap kematian seorang mangsa, dan menyifatkan kerugian ini sebagai tidak sengaja.¹⁰

Pada pertengahan Oktober 2022, Jabatan Penerangan BRN mengeluarkan pernyataan untuk menarik perhatian awam terhadap pembunuhan di luar bidang hukum (extrajudicial killing) yang kejam atas seorang anggota yang berlaku pada bulan September. Menurut pernyataan berkenaan, Yahri Dueloh, atau dikenali juga sebagai Zahri Bin Abdullah, telah “diambil” (bererti diculik) di sempadan sebelah Malaysia pada 27 September, dan menambah lagi bahawa jasadnya ditemui di tebing Sungai Golok sebelah Thai (yang merupakan sempadan) dua hari kemudian. Pernyataan ini menjelaskan bahawa Zahri telah dibunuh, dan tubunya dirosakkan “untuk menutup identitinya”. Walaupun pernyataan ini tidak mengidentifikasikan pelakunya, tetapi mengisytiharkan bahawa: “Semua bentuk pembunuhan yang melampau terhadap anggota BRN, ... di Patani, Thailand dan Malaysia, merupakan serangan terhadap proses sekarang”.¹¹ Hingga hari ini, siapa yang menculik atau membunuh Zahri itu tidak jelas.

Pada masa yang sama, ada juga sesetengah anggota BRN yang cuba mengurangkan kerugian ekoran kejadian pada Oktober dan menggunakan nada yang lebih sederhana. Pertama, Nikmatullah bin Seri, seorang anggota senior dalam delegasi BRN muncul dengan dua pernyataan yang terselenggara – satu pada akhir Oktober dan satu lagi pada pertengahan Disember. Pada 30 Oktober, BRN mengeluarkan pernyataan media untuk memenuhi “kekurangan” dalam pemahaman masyarakat awam tentang proses dialog. Tidak seperti pernyataan Jabatan Penerangan yang menggunakan retorik yang hangat, pernyataan ini menyifatkan proses sebagai “tidak dijalankan menurut landasan yang sesuai” dan menyatakan “rasa terima kasih terhadap usaha Malaysia sebagai fasilitator dan sikap yang profesional pihak lawan, Kerajaan Diraja Thai”. Ia juga

⁹ Wawancara oleh Crisis Group, Jeneral Wanlop Rugsanaoh, ketua Panel Dialog Damai, Bangkok, 3 Mac 2023. Kedua-dua pihak tidak menandatangani Prinsip Am, tetapi ditandatangani oleh pakar antarabangsa yang hadir sebagai pemerhati. Kedua-dua pihak juga bertukaran surat pengesahan Prinsip Am. “Thailand, southern rebels agree to 40-day Ramadan peace initiative”, Benar News, 1 April 2022.

¹⁰ “BRN reveals motive for recent blasts”, *Bangkok Post*, 19 Ogos 2022. Pernyataan ini juga menyalahkan perbuatan kapitalis yang berleluasa di tanah air Patani serta mengutarakan kesusahan ekonomi orang Melayu Patani, berdasarkan akar sosialis BRN.

¹¹ Pernyataan media, Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani, Jabatan Penerangan, 18 Oktober 2022.

mengemukakan hasrat BRN untuk mencapai persetujuan yang membawa kepada satu bentuk pemerintahan sendiri berdasarkan “pengagihan kuasa dan prinsip demokrasi” dan juga “pengiktirafan jati diri Melayu Patani sebagai majoriti dalam komuniti Patani yang mempunyai kepelbagaian bangsa dan agama”.¹² BRN juga mengespos pautan kepada Prinsip Am dan rumusan Berlin Inisiatif 2019 yang disebut di atas.

Kedua, dalam klip video yang dipos pada 10 Disember, Nikmatullah menambahkan bahawa perwakilan BRN dan kerajaan Thai membuat “peta hala tuju” untuk proses damai, termasuk tindakan-tindakan untuk menjamin keselamatan dan imuniti undang-undang bagi perwakilan BRN yang sedang berada di luar negara dan dituduh atas kes-kes keselamatan, agar mereka dapat menyertai konsultasi awam di wilayah-wilayah sempadan selatan Thailand. Merujuk kepada kandungan pernyataan media bertarikh 30 Oktober, beliau juga menjelaskan bahawa kumpulan tersebut mencari “sistem pemerintahan berdasarkan demokrasi dan pengagihan kuasa dengan adanya perhipmunan legislatif untuk rakyat”. Nikmatullah menyatakan bahawa pihak Thai telah menolak peta hala tuju yang dicadangkan BRN, berharap agar dapat melaporkan kemajuan sebelum pertemuan kali keenam. Beliau juga menyatakan harapan bahawa Perdana Menteri baru Malaysia, Anwar Ibrahim, akan “membawa perubahan yang positif kepada proses pembinaan kedamaian yang hakiki bagi rakyat Patani”.¹³

Dalam ucapannya, Nikmatullah menyuarakan sentimen yang tersebar luas di wilayah-wilayah sempadan selatan Thailand. Ramai orang Patani mengalu-alukan kemenangan Anwar Ibrahim dalam pilihan raya pada November 2022, yang diikuti oleh upacara angkat sumpah sebagai Perdana Menteri kesepuluh Malaysia. Anwar mempunyai ikatan dengan Patani untuk waktu yang lama, sejak zaman aktivis pelajar lagi, dan hal ini pula melahirkan pandangan optimis bagi sesetengah pihak bahawa beliau akan dapat merencanakan proses semula.¹⁴

Reaksi terhadap kerja-kerja Perdana Menteri Anwar dalam hal-ehwal Patani adalah pelbagai. Seperti yang dijangkakan oleh orang ramai, beliau menggantikan ketua fasilitator Abdul Rahim Noor, bekas ketua polis negara yang dikatakan kasar dan suka menggunakan tekanan. Anwar melantik Jeneral Zulkifli Zainal Abidin, bekas ketua angkatan bersenjata Malaysia, sebagai penggantinya pada 1 Januari 2023.¹⁵ Beliau sendiri melawat Bangkok sendiri

¹² Pernyataan Media, Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani, 30 Oktober 2022.

¹³ Pernyataan BRN, video, YouTube, 10 Disember 2022.

¹⁴ Mongkol Bangprapa, “Smile, Anwar’s here”, *Bangkok Post*, 29 Januari 2023. Sebagai aktivis pelajar, Anwar menentang dasar-dasar Thailand terhadap Melayu Muslim, dan memimpin tunjuk perasaan ketika Perdana Menteri Thailand ketika itu, Thanom Kittikachorn melawat Malaysia pada 1971. Laporan Crisis Group, *Insurgency, not Jihad*, op. cit., p. 9, nota kaki 72.

¹⁵ Penggantian Rahim Noor telah lama dijangkakan secara meluas ekoran sejarah permushan antara kedua-dua tokoh ini. Sebagai ketua polis negara, Rahim Noor menyerang Anwar semasa beliau ditahan pada 1998, menyebarkan lebam pada matanya. “Malaysia’s former police chief, who beat Anwar in jail, raises hackles with new appointment”, *Straits Times*, 2 September 2018. Seorang wartawan menggambarkan Rahim Noor sebagai “orang tua berumur tujuh

pada 9-10 Februari, dan bertemu dengan rakan sejawatannya, Prayuth Chan-ocha. Anwar berkata kepada media bahawa “Malaysia tidak akan mengizinkan sebarang bentuk keganasan untuk menyelesaikan konflik” dan menyifatkan pemberontakan sebagai “isu dalaman sepenuhnya” bagi Thailand.¹⁶ Adalah tidak jelas sama ada Anwar mengingatkan satu pihak sahaja atau kedua-dua pihak dalam hal meninggalkan penggunaan keganasan. Sesetengah Muslim di wilayah-wilayah sempadan selatan mengalu-alukan ucapannya, tetapi ramai orang Melayu Patani berasa kurang senang hati.¹⁷ Sebulan kemudian, Jeneral Zulkifli melawat Thailand untuk bertemu dengan Jeneral Wanlop Rugsnoah, ketua delegasi dialog Thai, dan mengadakan lawatan kerja selama empat hari ke wilayah-wilayah sempadan selatan, diiringi oleh tentera Thai.

C. *Pusingan Keenam*

Jeneral Zulkifli mempengerusi pusingan keenam dialog damai di Kuala Lumpur pada 21-22 Februari 2023. Hasil pertemuan ini diheboh-hebohkan. Kedua-dua pihak bersetuju atas “Joint Comprehensive Plan toward Peace” (JCPP), yang disifatkan dalam pernyataan pihak Thai dan Malaysia sebagai “peta hala tuju” untuk mencapai persetujuan damai terakhir sebelum akhir tahun 2024.¹⁸ Walaupun dihebohkan, butir-butir JCPP adalah kurang. Menurut pernyataan delegasi Thai, “Kandungan JCPP merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan 1) tindakan untuk mengurangkan keganasan di daerah konflik; dan 2) pelaksanaan aktiviti konsultasi awam yang membawa kepada penyelesaian politik”.¹⁹ Secara permukaannya, bahasa yang digunakan sama dengan penegasan semula atas perkara-perkara yang ditentukan dalam Prinsip Am pada Mac 2022. Pernyataan delegasi Thai juga mengatakan bahawa pasukan teknik dari kedua-dua pihak akan berjumpa “dalam keadaan yang tidak formal” antara Mac dan Mei untuk membahaskan butir-butir peta hala tuju agar ia akan disahkan pada pusingan ketujuh dialog rasmi, yang dijadualkan pada Jun.

Namun, mereka yang mencari tanda-tanda kemajuan juga perlu berhati-hati setelah pusingan keenam: buat kali pertama sejak dialog bermula, pejabat fasilitator Malaysia mengeluarkan penyataan, manakala BRN tidak. Jika dilihat kembali, ketiadaan penyataan BRN nampaknya satu pentanda bahawa kumpulan berkenaan menggantungkan penyertaan dalam dialog. BRN mungkin membuat

puluhan yang cepat marah dan terkenal dengan kurangnya kesabaran.” Anthony Davis, “Covid-19 gives peace a chance in South Thailand”, *Asia Times*, 6 April 2020.

¹⁶ “Malaysian PM vows to help Thailand solve southern violence”, Associated Press, 9 Februari 2023.

¹⁷ Koresponden Crisis Group, penganalisis, Pattani, Mei 2023. Presiden PULO, Kasturi Mahkota nampaknya mengingatkan ucapan Anwar ketika beliau mengisytiharkan, “setiap pihak harus mengelakkan sebarang pernyataan sensitif terhadap orang Melayu Patani atau pejuang pembebasan Patani, tidak kira apa dorongannya, seperti ‘Kami tidak menyokong kemerdekaan Patani’; ‘Isu Patani adalah isu dalaman Thailand’; ‘Kami tidak menyokong penyelesaian yang menggunakan keganasan’”. Pernyataan PULO, 9 Mac 2023.

¹⁸ “BRN agrees to have other rebel groups join peace talks”, Thai PBS World, 23 Februari 2023.

¹⁹ “6th Meeting of the Peace Dialogue Process for Southern Border Provinces of Thailand”, Penel Dialog Damai, 22 Februari 2023.

keputusan ini sebaik sahaja selesai pusingan keenam, walaupun hal ini tidak diumumkan sampai awal Mei.²⁰ Akibatnya, pertemuan teknik yang dirancang tidak diadakan pada tempoh Mac-Mei, dan percubaan untuk mencapai peta hala tuju yang terperinci pada bulan Jun adalah mustahil sekarang. Pertemuan kali ketujuh juga nampaknya tidak berlaku. Pada masa yang sama, parti kerajaan campuran Thai pula mengalami kekalahan yang teruk dalam pilihan raya pada 14 Mei, dan komposisi kerajaan baru juga belum lagi diketahui. Dalam tempoh 60 hari untuk suruhanjaya pilihan raya mengesahkan keputusan pengundian, keputusan untuk menangguhkan dialog sehingga Thailand mempunyai kerajaan baru mungkin bermaksud kelewatan sampai bulan Ogos atau lebih lambat lagi; pada 2019, hampir tiga bulan berlalu sejak hari pilihan raya sampai pembentukan kerajaan baru.

Walaupun BRN tidak menyahut undangan kepada dialog, delegasi Thai melawat Kuala Lumpur pada 14-17 Mac dan menyampaikan dokumen JCPP yang dipindahkan kepada fasilitator dialog. Dalam pertemuan dengan para pemberita, seorang anggota Panel, Mejar Jeneral Pramote Prom-in, berkata, “Kami berusaha untuk memajukan dialog damai, tetapi [BRN] tidak datang”. Dia menambahkan bahawa Jeneral Zulkifli berkata BRN tidak hadir sebahagian kerana mereka dalam proses untuk melantik ketua delegasi baru.²¹

BRN tidak mempedulikan pernyataan daripada delegasi Thai yang meminta perhentian permusuhan (cessation of hostilities) sepanjang Ramadan mulai 22 Mac hingga 21 April, yang berbetulan dengan tempoh cuti tahun baru Thai.²² Bagi sesetengah anggota BRN, pernyataan ini dianggap sebagai satu petanda yang sinikal, dengan sifatnya yang unilateral, dikeluarkan secara tiba-tiba dan tiada perincian.²³ Pada 16 April, dalam pernyataan video yang dikeluarkan untuk menandai akhir Ramadan, Abdul Karim daripada Jabatan Penerangan BRN mengulangi sejarah penindasan oleh negara Thai terhadap Melayu Muslim, termasuk juga peristiwa pada 2004 yang mengorbankan 78 orang penunjuk perasaan di Tak Bai, Narathiwat, kebanyakannya akibat sesak nafas, setelah dimasukkan ke dalam lori untuk dibawa ke sebuah kem tentera.²⁴

Sementara itu, sayap tentera BRN pula meningkatkan serangan secara mendadak pada April, termasuk juga serangan dengan kekuatan platun yang jarang berlaku terhadap pos pertahanan di Daerah Muang, Wilayah Yala, pada 9 April, dan siri serangan bom dan tembakan di tiga wilayah sempadan selatan pada malam 14

²⁰ “Pernyataan Jabatan Penerangan BRN tentang Proses Rundingan Damai BRN-RTG”, Jabatan Penerangan BRN, video, YouTube, 4 Mei 2023.

²¹ “Peace pact still on track despite BRN’s no-show”, *Bangkok Post*, 5 April 2023.

²² “Message from the Peace Dialogue Panel for the Southern Border Provinces”, Panel Dialog Damai untuk Wilayah-wilayah Sempadan Selatan, 24 Mac 2023 [bahasa Thai].

²³ Koresponden Crisis Group, anggota BRN, 10 April 2023.

²⁴ “Ucapan Aidilfitri Al-Mubarak”, Jabatan Penerangan BRN, 16 April 2023. Angkatan bersenjata pihak keselamatan juga membunuh tujuh orang penunjuk perasaan dengan senjata api kecil di tempat kejadian. Lihat laporan Crisis Group, *Insurgency, Not Jihad*, op. cit., pp. 27-29.

April.²⁵ Dalam siri serangan ini tidak ada kematian, tetapi para pemberontak melakukan beberapa pembunuhan seterusnya, termasuk tembakan maut terhadap seorang sukarelawan Muslim yang menganggotai Pasukan Pertahanan Kampung pada 9 April di Tak Bai. Serangan seperti ini menunjukkan bahawa keganasan kembali kepada corak yang lama, iaitu para anggota angkatan bersenjata meningkatkan serangan dalam tempoh sepuluh hari akhir Ramadan, dengan kepercayaan bahawa tindakan yang diambil atas nama komuniti Muslim akan mendapat lebih pahala pada bulan yang mulia ini.²⁶

Namun tidak lama setelah siri serangan ini, sayap tentera BRN juga menghantar isyarat yang agak samar. Pada 4 Mei, Abdul Karim daripada Jabatan Penerangan BRN mengedarkan pernyataan video, yang mengaku penggantungan dialog ekoran pilihan raya Thai yang akan diadakan pada 14 Mei. Walaupun ada “pasang surut”, beliau memerhatikan bahawa dialog kekal sebagai ‘stabil’ dan menyatakan harapan bahawa ia akan disambung semula tidak lama lagi. Yang menariknya, Abdul Karim tidak menggunakan polemik biasa terhadap “Siam”, tetapi menyebut contoh-contoh kejayaan proses damai di tempat-tempat lain di Asia Tenggara – seperti Mindanao (Filipina), yang dimediasi oleh Malaysia, dan juga Aceh di Indonesia, Timor Leste, dan negeri-negeri Sabah dan Sarawak di Malaysia.²⁷

III. Patologi Dialog Damai

Pengumuman JCPP pada Mac diheboh-hebohkan, tetapi setelah itu BRN pula menggantung dialog, dan hal ini menunjukkan dengan jelas adanya jurang pemisah antara pernyataan rasmi yang disetujui dan proses yang sedang berdepan dengan halangan bagi kemajuan seperti rasa tidak puas hati, kesalahfahaman dan kebimbangan.

A. Tiga Lapisan Kekangan BRN

Walaupun para anggota BRN sedang berusaha untuk menentukan apakah matlamat proses yang boleh diterima, para perunding perlu membawa proses ke depan. Pasukan rundingan BRN – kebanyakannya terdiri daripada anggota sayap politik – mempunyai sekurang-kurangnya tiga kepentingan yang bersaing antara satu sama lain. Mereka perlu menggerakkan dialog dengan Thailand, dan ia harus melibatkan konsesi; dan perlu memuaskan Malaysia, yang bukan sahaja bertindak sebagai fasilitator dialog tetapi juga merupakan de facto tempat perlindungan bagi BRN, kerana kebanyakan pemimpin kumpulan ini tinggal di negara berkenaan. Jika delegasi gagal dalam mengimbangi tuntutan-tuntutan

²⁵ “Insurgents attack a government outpost in Yala Province”, Thai PBS World, 9 April 2023; “Security stepped up after attacks in South”, *Bangkok Post*, 15 April 2023.

²⁶ Rungrawee Chalermripinyorat, “Islam and the BRN’s Armed Separatist Movement in Southern Thailand”, *Small Wars & Insurgencies*, vol. 31, no. 6 (2021), pp. 18-19.

²⁷ “Pernyataan Jabatan Penerangan BRN tentang Proses Rundingan Damai BRN-RTG”, dipetik di atas.

yang bertentangan antara satu-sama lain, mereka akan menghadapi risiko untuk diasingkan daripada para pejuang di lapangan; atau kehilangan peluang dengan rakan dialog daripada kerajaan; atau menjejaskan hubungan luar yang paling penting. Risiko pertam mungkin paling bahaya kepada kumpulan ini secara keseluruhan: sekiranya delegasi terpisah daripada para anggota, BRN boleh berpecah, dan ia akan melumpuhkan proses dan membawa kepada peningkatan keganasan semula.

Persetujuan delegasi BRN terhadap penggunaan bahasa bahawa proses mencari penyelesaian “dalam negara kesatuan Thai dan di bawah perlembagaan”, seperti yang disebut dalam Prinsip Am, adalah satu dilema bagi kumpulan ini. Menurut Anas, ketua delegasi BRN, keputusan untuk mencari penyelesaian di bawah perlembagaan itu sejajar dengan Konsensus Am (General Consensus) 2013, yang masih berkuat kuasa, dan berdasarkan gagasan perkongsian kuasa. Tambahan pula, BRN mempunyai kewajipan untuk mengakhiri konflik yang berlangsung selama dua puluh tahun, walaupun ia bermaksud pengorbanan tujuan kumpulan bagi mewujudkan negara merdeka.²⁸ Tetapi sesetengah pihak dalam BRN, terutamanya dalam sayap tentera, tersinggung dengan apa yang mereka pandang sebagai konsesi yang menyentuh teras perjuangan. Mungkin oleh sebab itulah ada khabar sebelum pertemuan pusingan keenam bahawa BRN sedang menimbang pertukaran keanggotaan delegasi dialognya.²⁹

Pandangan para nasionalis Melayu di Patani juga dibahagi tentang konsesi yang dibuat dalam Prinsip Am. Sesetengah orang percaya bahawa penerimaan autonomi atau bentuk pemerintahan sendiri yang lain yang kurang daripada kemerdekaan adalah munasabah, sekurang-kurangnya untuk masa terdekat, kerana kecenderungan global dan cabaran-cabaran dalam membentuk negara baru.³⁰ Menurut seorang aktivis wanita Melayu Muslim, “Saya tidak pernah dengar berkenaan tentangan yang kuat terhadap dialog, dan saya tahu bahawa ramai sedang cuba untuk membawa proses ke depan”.³¹ Ada juga orang yang keliru dan hampa; dan sesetengahnya terasa mereka dibelakangi. Tetapi ada juga mereka yang tidak memberikan pandangan sehingga mereka melihat apa yang akan berlaku dalam proses dialog.³² Salah satu cara bagi BRN untuk mengelakkan dilema ini adalah mengetepikan isu ini dahulu, dan menyerahkan kepada konsultasi awam untuk menangani agenda tentang bentuk pemerintahan. Menurut Anas, “Ia bergantung pada kehendak rakyat ... BRN adalah pengantara aspirasi rakyat”.³³

²⁸ Wawancara Crisis Group, Anas Abdulrahman, ketua delegasi dialog BRN, Malaysia, 20 Januari 2023.

²⁹ Wawancara Crisis Group, aktivis Melayu-Muslim, Pattani, Januari 2023; anggota BRN, Mac 2023.

³⁰ Wawancara Crisis Group, Muhammad Aladi Dengni, pengerusi, Civil Society Assembly for Peace (Patani), Pattani, 21 Januari 2023; Phaison Daoh, profesor associate, Fakulti Sains Politik, Universiti Prince of Songkla (Kampus Pattani), Pattani, 22 Januari 2023.

³¹ Wawancara Crisis Group, para wakil Perwani, badan kebajikan Muslim, Yala, 24 Januari 2023.

³² Wawancara Crisis Group, para aktivis Melayu Muslim, Pattani, Januari 2023.

³³ Wawancara Crisis Group, Anas Abdulrahman, ketua delegasi dialog BRN, Malaysia, 20 Januari 2023.

Tentu sekali, BRN juga boleh membentuk aspirasi ini dengan memberikan gambaran tentang tujuan-tujuan yang boleh dicapai. Nampaknya, kekeliruan tentang makna Prinsip Am dan perselisihan dalaman BRN itu sebahagiannya disebabkan oleh kegagalan para pemimpin tertinggi organisasi tersebut dalam menjelaskan posisinya dengan jelas kepada masyarakat umum.

Ramai pemerhati berasa bimbang, pada tahap yang berlainan, bahawa BRN akan berpecah, kerana sebahagian daripada sayap tenteranya menolak dialog dan lebih menggemari kempen keganasan yang lebih dahsyat untuk menuntut kemerdekaan.³⁴ BRN pernah mengalami perpecahan pada masa dahulu.³⁵ Walaupun tiada perpecahan, sesetengah orang menjangkakan peningkatan serangan para pejuang: “[Sayap tentera] berasa seolah-olah mereka tidak mendapat apa-apa daripada dialog. Sementara itu, mereka juga kehilangan para pejuang [dalam tindakan operasi anti-pemberontak (conter insurgency)]”.³⁶ Sungguhpun kemampuan ketenteraan BRN berkurangan setelah beberapa dekad, namun kumpulan itu masih mampu menyebabkan kerugian. Yang membimbangkan, meskipun BRN boleh mengelakkan kerugian terhadap orang awam, ia juga menunjukkan kesanggupan untuk mengadakan serangan bom sembarangan.³⁷ Pengeboman ini menjadi tanda tanya bagi komitmen BRN terhadap undang-undang kemanusiaan antarabangsa.³⁸ Peningkatan serangan pada April merupakan petanda rasa tidak puas hati sayap tentera terhadap proses dialog.³⁹

Masyarakat umum menghormati para pejuang yang dibunuh dalam pertempuran dengan pasukan keselamatan sebagai syahid, dan hal ini menunjukkan bahawa sokongan daripada masyarakat umum terhadap para pejuang masih kukuh. Misalnya, pada 21 Februari, pada hari yang sama dengan pusingan dialog keenam di Kuala Lumpur, pasukan keselamatan membunuh seorang pejuang di daerah Than To, wilayah Yala. Ibrahim Salae, seorang suspek sebagai pembuat bom, melepaskan tembakan setelah dikepong oleh pasukan keselamatan. Keluarga dan kawannya merebut mayanya daripada ambulans polis untuk

³⁴ Wawancara Crisis Group, aktivi hak asasi wanita Muslim, aktivis kebajikan wanita Muslim dan aktivis politik Muslim, Pattani, Januari 2023.

³⁵ BRN, ditubuhkan pada 1960, berpecah menjadi tiga serpihan pada awal 1980-an. Wan Kadir Che Man, *Muslim Separatism: The Moros of the Southern Philippines and the Malays of Southern Thailand* (Oxford, 1990), p. 99.

³⁶ Wawancara Crisis Group, Muhammad Aladi Dengni, pengerusi, Civil Society Assembly for Peace (Patani), Pattani, 21 Januari, 2023.

³⁷ Pada 22 November 2022, sebutir bom yang dimuatkan dalam kenderaan meletup di kediaman pegawai dalam pekarangan balai polis di Daerah Muang, wilayah Narathiwat, menyebabkan kematian seorang pegawai dan mencederakan sekurang-kurangnya lapan belas orang awam, termasuk sepuluh orang wanita dan tiga orang kanak-kanak. “Police focus on 2 drivers of pickup used in car-bombing”, *Bangkok Post*, 24 November 2022.

³⁸ Pada awal 2020, para wakil BRN menandatangani dokumen yang bernama Deed of Commitment for Protection of Children from the Effects of Armed Conflict di bawah seliaan Geneva Call, sebuah pertubuhan bukan kerajaan, yang bekerja dalam bidang undang-undang kemanusiaan antarabangsa. “Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani commits to greater protection of children”, Geneva Call, 19 Mac 2020.

³⁹ Koresponden Crisis Group, anggota BRN, 10 April 2023.

persiapan pengebumian sebagai syahid. Para pegawai terpaksa akur dengan kehendak mereka, kerana takut keadaan akan tidak terkawal.⁴⁰

Pengebumian para pejuang lazimnya disiarkan langsung melalui Facebook Live, dengan perarakan yang diikuti oleh ratusan orang, dan ada kalanya terdengar teriakan “merdeka”, dan para remaja memberikan tabik kepada keranda. Fenomena ini menunjukkan sokongan padu dan mendalam terhadap para pejuang, yang boleh ditafsirkan sebagai dokongan bagi mereka sekiranya mereka memilih untuk mengelakkan dialog demi meneruskan perjuangan pembebasan kebangsaan. Bekas setiausaha agung Pusat Pentadbiran Wilayah Sempadan Selatan, Thawee Sodsong, memerhatikan bahawa, “Semangat di kalangan rakyat meningkat. Anda boleh melihatnya melalui perhimpunan di Saiburi dan para hadirin dalam pengebumian pejuang. Matinya seorang [pejuang] melahirkan 100 orang pejuang lagi”.⁴¹

Satu lagi punca ketegangan dalam dialog ialah rasa tidak senang hati Malaysia kerana tidak terlibat dalam dialog tidak rasmi (back-channel talks) antara kerajaan Thai dan BRN yang berperanan dalam memulakan dialog rasmi pada Januari 2020.⁴² Para pegawai Malaysia tidak menyatakan tentangan terhadap komunikasi tidak rasmi kepada masyarakat umum atau kepada delegasi Thai.⁴³ Namun demikian, Malaysia memberi isyarat kepada BRN bahawa bagi Malaysia hal ini menyinggung perasaannya sebagai pihak yang berperanan sebagai fasilitator, dan Malaysia juga menentang keterlibatan aktor-aktor antarabangsa yang lain.⁴⁴

Beberapa orang anggota BRN merungut secara peribadi tentang apa yang dipandang sebagai tekanan daripada kerajaan Malaysia agar BRN mengikuti telunjuknya, termasuk juga pengguguran saluran tidak rasmi antara BRN-Bangkok.⁴⁵ Pada 12 Januari 2022 – pada tarikh yang sama dengan permulaan dialog pusingan ketiga – pihak berkuasa Malaysia menyerahkan tiga orang suspek Melayu Pattani yang ada kaitan dengan BRN kepada Thailand.⁴⁶ Ada yang menganggap tindakan ini sebagai tamparan terhadap BRN, walaupun para pegawai Malaysia menegaskan bahawa waktu penyerahan itu kebetulan sahaja. Pembunuhan seorang anggota BRN pada bulan September yang mula-mula ditahan di Malayssia seperti disebut di atas juga dipandang oleh sesetengah orang sebagai isyarat bahawa BRN tidak seharusnya mencabar Kuala Lumpur. Seorang aktivis Melayu di Pattani berkata, “Pada Januari yang lalu, Malaysia menghantar balik tiga orang ke Thailand. Pada September, mereka menghantar balik mayat”.⁴⁷ Beginilah tekanan daripada Malaysia, kata seorang anggota BRN,

⁴⁰ “Villagers seize body of slain Yala insurgent”, *Thai Examiner*, 22 Februari 2023.

⁴¹ Wawancara Crisis Group, Polis Kolonel (ret.) Thawee Sodsong, setiausaha, Parti Prachachart, Pattani, 22 Januari 2023.

⁴² Briefing Crisis Group, *Sustaining the Momentum*, op. cit., pp. 3-4, 16.

⁴³ Wawancara Crisis Group, General Wanlop Rugsanaoh, ketua Panel Dialog Damai, Bangkok, 3 Mac 2023.

⁴⁴ Wawancara Crisis Group, anggota BRN, Mac 2023.

⁴⁵ Wawancara Crisis Group, anggota BRN, Mac 2023.

⁴⁶ Briefing Crisis Group, *Sustaining the Momentum*, op. cit., p. 5.

⁴⁷ Wawancara Crisis Group, aktivis, Pattani, Januari 2023.

“JCPP ialah persetujuan antara orang Thai dan orang Malaysia”.⁴⁸ Jeneral Zulkifli pula menyifatkan tuduhan bahawa beliau memaksa BRN untuk menerima JCPP sebagai “tidak masuk akal sama sekali”.⁴⁹

Apa yang Malaysia mahu memperolehi daripada BRN dan proses dialog adalah kurang jelas. Salah satu dorongannya mungkin untuk mengawal pemberontak apabila mereka merujuk kepada “standard antarabangsa” dalam proses damai. Dengan ungkapan ini, BRN nampaknya cuba menyatakan bahawa mereka mahu melibatkan penjamin asing yang hadir dalam dialog.⁵⁰ Malaysia pula nampaknya menentang penyertaan pegawai asing (selain pegawai Malaysia), pakar atau NGO dalam dialog. Pandangan ini dikongsi oleh sesetengah pegawai Thai, yang menganggap penyertaan aktor asing akan menjadikan konflik ini sebagai isu antarabangsa.⁵¹

Sesetengah orang di wilayah sempadan selatan Thailand berpandangan bahawa Kuala Lumpur bukanlah pihak yang tidak berkepentingan, paling tidak kerana Malaysia perlu memikirkan hubungannya dengan Bangkok secara meluas, dan ini bermakna ia kurang sesuai sebagai mediator secara de facto.⁵² Pada Januari 2022, pengerusi pertubuhan masyarakat sivil Muslim menghantar surat kepada Konsulat Malaysia di Songkhla, menyatakan bahawa fasilitator “tidak dapat ... [mencapai] kemajuan konkrit ke arah persetujuan damai” dan meminta kepada Malaysia agar “memperbaiki” cara kerjanya sesuai dengan “standard antarabangsa”. Dalam hal ini, “standard antarabangsa” nampaknya merujuk kepada mediasi yang tidak berpihak daripada masyarakat antarabangsa. Para pegawai konsulat seterusnya memberikan amaran kepada para aktivis supaya berhenti mengeluarkan pandangan seperti ini.⁵³

Malaysia seharusnya mengetepikan rasa tidak puas hati sedemikian. Jika BRN dan masyarakat sivil tidak yakin dengan integriti dialog, maka ia akan membahayakan dialog itu sendiri, terutamanya jika rasa tidak puas hati di kalangan sayap tentera semakin bertambah. Tindakan BRN untuk

⁴⁸ Wawancara Crisis Group, anggota BRN, Mac 2023.

⁴⁹ Muzliza Mustafa dan Nisha David, “Q&A with new southern Thailand peace broker: ‘This is about humanity’”, *Benar News*, 23 Februari 2023.

⁵⁰ Ada lima orang pakar antarabangsa, atas kemampuan peribadi, yang terlibat dalam dialog, dengan setiap pertemuan penuh dihadiri dua orang daripada lima orang ini. Briefing Crisis Group, *Sustaining the Momentum*, op. cit., p. 5, nota kaki 18. Dalam mesyuarat teknikal tidak ada pemerhati.

⁵¹ Wawancara Crisis Group, Muhammad Aladi Dengni, pengerusi, Civil Society Assembly for Peace (Patani), Pattani, 21 Januari 2023; anggota BRN, Mac 2023. Untuk keterangan tentang kebimbangan Thailand terhadap pengantarabangsaan konflik, lihat Briefing Crisis Group, *No Traction*, op. cit., p. 15, dan *Sustaining the Momentum*, op. cit., pp. 2, 9-10.

⁵² Wawancara Crisis Group, Muhammad Aladi Dengni, pengerusi, Civil Society Assembly for Peace (Patani), Pattani 21 Januari; Polis Kolonel (ret.) Thawee Sodsong, setiausaha, Parti Prachachart, Pattani, 22 Januari 2023; Ishak Latih, timbalan yang dipertua, Majlis Agama Islam Wilayah Pattani, Pattani, 25 Januari 2023; anggota BRN, Mac 2023.

⁵³ Muhammad Aladi Dengni, “Tajuk: Meminta Malaysia menjadi fasilitator Proses Dialog Damai Patani yang sesuai dengan standard dan menghormati maruah orang Patani”, 28 Januari 2022. Dalam fail Crisis Group. Wawancara Crisis Group, Muhammad Aladi Dengni, pengerusi, Civil Society Assembly for Peace (Patani), Pattani, 21 Januari 2023.

menggantungkan dialog selama berbulan-bulan itu memang dikesali, tetapi ia mungkin lebih baik daripada menjalankannya sedangkan sikap BRN tentang cara menggerakkan proses masih belum tentu. Secara ideal, BRN menangani perbezaan pendapat dalaman dan mencapai persepakatan tentang strategi dialog. Pada masa yang sama, oleh sebab fasilitator baru mula kerjanya, maka Malaysia dan BRN ada peluang untuk membaiki kekurangan dalam hal kepercayaan yang tentu akan menjejaskan proses.

B. *Pihak Keselamatan Thai Terasa Tidak Selamat*

Walaupun kerajaan Thai mengaku keperluan bagi konsultasi dengan masyarakat umum tentang masa depan politik wilayah sempadan selatan, perbincangan yang melibatkan penyertaan sejati daripada masyarakat pula merupakan cabaran yang amat besar bagi pihak berkuasa Thai. Politik Thai sudah bergolak selama 18 tahun, terutamanya kerana pelbagai percubaan daripada institusi konservatif, khususnya tentera dan birokrasi, untuk mengekalkan status quonya, walaupun ada tuntutan daripada orang ramai untuk mengadakan susunan yang lebih mengizinkan kepelbagaian pendapat.⁵⁴ Pada peringkat nasional, ruang untuk bersuara dengan bebas mengecil secara mendadak setelah rampasan kuasa pada 2014; sejak tunjuk perasaan pro-demokrasi pada pertengahan 2020, sekurang-kurangnya 1,900 orang telah pun dituduh atau didakwa dengan alasan kesalahan yang berkaitan dengan penyertaan politik serta tunjuk perasaan.⁵⁵ Pengundian pada 14 Mei mencerminkan penolakan yang jelas terhadap pemerintahan tentera dan keinginan kepada perubahan struktural yang menyeluruh dalam ekonomi dan politik Thai.

Para pegawai senior Thai yang bertugas dalam dialog menegaskan bahawa konsultasi awam akan dilaksanakan, namun ada juga pendapat bahawa birokrasi Thai kurang toleransi terhadap pendapat yang berlainan, maka perbincangan yang terbuka tentang alternatif masa depan politik di wilayah sempadan selatan akan sukar.⁵⁶ Birokrasi Thai kurang sanggup untuk mengizinkan penyertaan masyarakat umum, dan ini sejajar dengan kurangnya keyakinan bahawa para peserta akan menyatakan sokongan terhadap status quonya. Sejak 2005, daerah

⁵⁴ Laporan Asia Crisis Group N°309, *COVID-19 and a Possible Political Reckoning in Thailand*, 4 Ogos 2020. Sejak 2006, Thailand mengalami rampasan kuasa oleh tentera sebanyak dua kali (2006, 2014); dua pilihan raya dibatalkan oleh mahkamah (2006, 2014); tiga orang perdana menteri disingkirkan daripada jawatan oleh mahkamah (2008, 2009, 2014); enam kali tunjuk perasaan besar-besaran (2006, 2008, 2009, 2013-2014, 2020-2021); pembanterasan penunjuk perasaan berdarah oleh tentera (2010); pemerintahan tentera secara langsung selama 6 tahun (2006-2007, 2014-2019); pemansuhan dua buah perlembagaan (versi 1997 pada 2006 dan versi 2007 pada 2014) dan penggubalan duah buah perlembagaan “kekal”; dan pilihan raya yang tidak adil (2019).

⁵⁵ Dalam jumlah ini termasuk sekurang-kurangnya 246 orang individu yang dituduh dengan undang-undang lèse-majesté (Seksyen 112 Undang-undang Jenayah) dan sekurang-kurangnya 130 orang yang dituduh dengan hasutan di bawah Seksyen 116. Antara yang dituduh, terdiri daripada 1,392 orang lelaki, 444 orang perempuan dan 62 orang LGBTQI+. Koresponden Crisis Group, staf Thailand Lawyers for Human Rights, Mei 2023.

⁵⁶ Wawancara Crisis Group, pegawai Thai, Bangkok, Mac-April 2023; wawancara telefon Crisis Group, penganalisis, April 2023.

ini terletak di bawah undang-undang istimewa yang memberikan impuniti kepada pasukan keselamatan dalam hal pelanggaran hak asasi manusia yang dicatat, termasuk penahanan secara rambang, kehilangan paksaan, penyeksaan dan pembunuhan di luar bidang hukum (extrajudicial killing), dan selama ini tiada pegawai yang dijatuhkan hukuman.⁵⁷ Menurut Thawee Sodsong, bekas pegawai polis dan setiausaha Parti Prachachart, di wilayah sempadan selatan, “Keselamatan negara dan keselamatan orang tempatan sering bercanggah”.⁵⁸ Ramai pegawai keselamatan masih mempunyai keraguan tentang dialog dengan BRN, dan lebih menggemari tindakan yang terdiri daripada penguatkuasaan undang-undang, pengampunan dan insentif ekonomi sebagai kaedah untuk menamatkan konflik.⁵⁹

Tindak balas daripada Bangkok terhadap perhimpunan remaja menggambarkan kebimbangan kerajaan dalam menghadapi pertunjukan jati diri orang Melayu Patani. Pada 5 Mei 2022, beberapa ribu orang pemuda Melayu Muslim berhimpun di Pantai Wasukri, daerah Saiburi, untuk menandakan sambutan Hari Raya dan mengangkat sumpah untuk mempertahankan budaya Melayu Patani. Penganjur utama acara berkenaan ialah Civil Society Assembly for Peace (CAP), sebuah organisasi payung bagi pertubuhan masyarakat civil Muslim, bekerjasama dengan persatuan-persatuan pemuda peringkat kampung daripada seluruh wilayah sempadan selatan. Dengan memakai baju Melayu, para remaja berikrar untuk “menghapuskan segala bentuk penindasan” dan “setia kepada agama, bangsa dan tanah air demi kesatuan”. Para penganjur mengatakan bahawa acara ini dihadiri oleh lebih daripada 10,000 orang peserta, tetapi mungkin angka ini dibesarkan. Dalam klip video acara tersebut, terdapat bendera BRN dikibarkan, yang dianggap sebagai lambang kemerdekaan dan pemberontak secara bersenjata, di samping bendera-bendera persatuan pemuda kampung.⁶⁰ Pada 10 Mei, persatuan-persatuan pemuda Melayu Muslim, di bawah pimpinan Cap Women dan Children, mengadakan acara yang serupa di wilayah Narathiwat,

⁵⁷ Sunai Pasuk, “Prioritize rights, justice in southern Thailand peace efforts”, Human Rights Watch, 21 Januari 2022. Tiga jenis undang-undang istimewa dikenakan atas semua atau sebahagian daripada wilayah-wilayah sempadan selatan: Undang-undang Darurat Tentera, Dikri atas Pentadbiran Awam dalam Keadaan Darurat 2005 serta Akta Keselamatan Dalam Negeri 2008. Dikri darurat dikuatkuasakan pada 19 Julai 2005 di Narathiwat, Pattani dan Yala, dan diperbaharui oleh kabinet setiap tiga bulan sejak itu. Seksyen 17 dikri darurat memberikan impuniti kepada para pegawai penguatkuasa dan mereka tidak dikenakan sebarang hukuman atas tindakan-tindakan yang diambil semasa menjalankan tugas. Ia masih dikenakan di seluruh wilayah sempadan selatan kecuali Sri Sakhon, Sukhirin, Sungai Kolok dan Waeng di Narathiwat; Mayo, Mae Lan, Mai Kaen dan Yaring di Pattani; dan Betong dan Kabang di Yala. Undang-undang tentera pula memberikan kuasa untuk menahan suspek selama 7 hari tanpa tuduhan. Digabungkan dengan tempoh yang ditetapkan dalam dikri darurat, pegawai keselamatan boleh memanjangkan penahanan suspek selama 37 hari tanpa tuduhan. Briefing Crisis Group, *Sustaining the Momentum*, op. cit., p. 14.

⁵⁸ Wawancara Crisis Group, Polis Kolonel (ret.) Thawee Sodsong, setiausaha, Parti Prachachart, Pattani, 22 Januari 2023.

⁵⁹ Wawancara Crisis Group, pegawai tentera senior, Yala, Januari 2023; para pegawai keselamatan, Bangkok, Mac 2023.

⁶⁰ Klip video acara ini boleh didapati di laman Facebook Wartani, 5 Mei 2022. Wartani ialah media alternatif tempatan.

dengan ribuan hadirin dalam busana tradisional Melayu untuk menjunjung jati diri Melayu Patani; tetapi mereka tidak mengangkat sumpah.⁶¹

Acara-acara ini mengejutkan pihak berkuasa. Menurut ahli politik tempatan, perhimpunan di Saiburi menyebabkan para pegawai “terasa takut”.⁶² Foto-foto pemuda Melayu Muslim yang berikrar untuk mempertahankan jati diri Melayu menyebabkan birokrasi Thai beranggapan bahawa konsultasi awam yang akan diadakan mungkin bernada begini, dan hal ini sama sekali tidak menyenangkan bagi mereka. Para penganjur tidak dituduh – ketua pegawai polis Patani, seorang Muslim, menolak untuk mengemukakan tuduhan – tetapi para pegawai keselamatan memberikan amaran kepada para penganjur untuk mengurangkan aktiviti mereka, dan menekan para pegawai tempatan untuk menghalang mereka mengadakan perhimpunan di tempat masing-masing.⁶³ Perhimpunan pemuda pada 10 Mei nampaknya tidak menyebabkan rasa tidak senang hati seperti ini di kalangan pegawai Thai.⁶⁴ Pada April 2023, para penganjur mengadakan acara-acara seperti ini sekali lagi, tetapi setelah membuat persetujuan dengan pihak tentera tentang peraturan asas, termasuk juga larangan untuk “menunjukkan sebarang lambang yang mungkin memberikan kesan negatif terhadap keselamatan”.⁶⁵

Pada masa yang sama, ruang yang terbatas untuk wacana tentang konflik menyebabkan rakyat tempatan kebanyakannya terpisah daripada proses damai. Tentang dialog, seorang ahli politik Muslim mengeluh bahawa “tiada sokongan ramai atau peringkat akar umbi yang mendorong dialog”.⁶⁶ “Dialog tidak bersangkutan dengan pengalaman orang kampung. ... Ia sesuatu yang terpisah daripada kenyataan”, tambah seorang aktivis hak asasi manusia.⁶⁷ Sekiranya penyelesaian yang berkekalan bagi konflik sebahagiannya bergantung pada sejauh mana aspirasi politik rakyat tempatan dicerminkan, maka bagi kejayaan dialog perlu ada penglibatan masyarakat umum yang lebih kukuh.

⁶¹ Koresponden Crisis Group, Pattani, Mei 2023. Lihat juga “It’s time for ‘young women – pemuda’ to wear Malay dress”, *Isra South News Centre*, 10 Mei 2022 [Thai].

⁶² Wawancara Crisis Group, ahli politik tempatan, Pattani, Januari 2023.

⁶³ Wawancara Crisis Group, Muhammad Aladi Dengni, pengerusi, Civil Society Assembly for Peace (Patani), Pattani, 21 Januari 2023; ahli akademik Muslim, Pattani, Januari 2023. Komander Polis Wilayah Patani dipindahkan dari jawatannya pada Disember 2022 setelah tuduhan atas kesalahan remeh-temeh terhadap para penganjur acara di Saiburi tidak diajukan kepada pendakwa raya. ““Revealing the background of the security-case policy; ‘boss’ orders to charge even without evidence!””, *Isra South News Centre*, 10 Januari 2023 [Thai].

⁶⁴ Koresponden Crisis Group, penganalisis, Pattani, Mei 2023.

⁶⁵ Mesej yang dipos dalam Facebook memberikan amaran untuk serangan bom di acara pemuda pada 24 April, yang ditafsirkan sebagai “operasi maklumat (information operation)” oleh tentera Thai untuk mengganggu acara. Koresponden Crisis Group, penganalisis, Pattani, 1 Mei 2023.

⁶⁶ Wawancara Crisis Group, Abdulkahar Awaeputeh, peguam, Parti Bhumjaitai, Pattani, 23 Januari 2023.

⁶⁷ Wawancara Crisis Group, Anchana Heemina, Duayjai Group, Pattani, 19 Januari 2023.

IV. Apa Yang Harus Dilakukan Apabila Dialog Disambung Semula

Pilihan raya Thai mutakhir ini mungkin ada kesan secara langsung terhadap dialog, termasuk komposisi delegasi kerajaan dan pendekatan untuk mencari penyelesaian politik. Secara keseluruhannya, dalam pilihan raya ini parti-parti yang berkaitan dengan tokoh-tokoh yang terlibat dalam rampasan kuasa pada 2014 berdepan dengan parti-parit yang menentang peranan tentera yang terlampau dalam politik. Hasil pengundian merupakan kekalahan yang teruk bagi pihak konservatif dan kemenangan mutlak bagi Parti Move Forward yang progresif, yang menabur janji dalam kempennya untuk menghapuskan peranan tentera dalam politik, menamatkan konspirasi, meminda perlembagaan, menjalankan pengagihan kuasa politik ke daerah dan membasmikan monopoli ekonomi.⁶⁸ Namun perlembagaan Thai 2017 menentukan bahawa perdana menteri dipilih oleh sesi gabungan dewan rakyat dan senat, dan senat pula terdiri daripada 250 orang ahli senat yang dilantik oleh junta, maka adalah masih belum jelas siapa yang akan membentuk kerajaan baru.⁶⁹

Parti Prachachart, sebuah parti tempatan di wilayah sempadan selatan yang mempunyai talian dengan pembangkang Parti Pheu Thai, menambahkan kerusinya daripada enam kepada sembilan, dan akan menjadi sebahagian daripada koalisi yang dibentuk oleh Move Forward atau Pheu Thai.⁷⁰ Setiausaha parti, Thawee Sodsong, dianggap sebagai tokoh yang mempunyai kefahaman tentang isu-isu di wilayah sempadan selatan dan sokongan daripada para pemimpin Melayu Muslim. Ada orang yang mengharapkan agar Thawee dan bekas pengarah Majlis Keselamatan Negara, Paradorn Patanathabutr diberikan

⁶⁸ Parti Move Forward memenangi 152 kerusi daripada 500 kerusi parlimen, termasuk juga hampir semua kerusi di Bangkok yang mempunyai 33 kawasan kecuai satu kawasan. Parti Pheu Thai, yang pernah menjadi parti pembangkang terbesar, memenangi 141 kerusi dan berjanji untuk menyokong Parti Move Forward. Koalisi ini memerlukan 376 suara untuk mengatasi kebanyakan undian Senat untuk menjadikan ketua Parti Move Forward, Pita Limjaroenrat sebagai Perdana Menteri. Pada 20 Mei, koalisi pembangkang mempunyai 314 undi. Parti United Thai Nation yang baru di bawah pimpinan perdana menteri sekarang, Prayuth Chan-ocha, memenangi 36 kerusi, dan Parti Palang Pracharat yang dipimpin oleh pemangku timbalan perdana menteri, Prawit Wongsuan, memenangi 41 kerusi.

⁶⁹ Suruhanjaya Pilihan Raya harus mengesahkan keputusan sebelum 13 Julai. Sesi pertama dewan rakyat untuk memilih Yang di-Pertua Dewan Rakyat akan diadakan dalam tempoh 15 hari setelah pemilihan. Paling awal, sesi gabungan untuk memilih perdana menteri akan diadakan pada Ogos. Kemungkinan bahawa calon perdana menteri dari Parti Move Forward, Pita Limjaroenrat, akan ditanggalkan kelayakannya, bergantung pada keputusan peninjauan Suruhanjaya Pilihan Raya terhadap tuduhan bahawa beliau mempunyai saham syarikat media. "EC looking into Pita's shareholdings", *Bangkok Post*, 22 Mei 2023.

⁷⁰ Di Pattani, Romadon Panjor daripada Parti Move Forward memenangi kerusinya melalui senarai parti. Kannavee Subsang daripada Parti Adil, sebuah parti tempatan baru yang mengambil isu dialog damai dalam platformnya, juga memenangi sebuah kerusi melalui senarai parti dan menyertai koalisi yang dijangkakan akan dibentuk oleh Parti Move Forward.

jawatan untuk mengawasi dialog.⁷¹ Prachachart bergabung dengan Move Forward, Pheu Thai dan enam parti yang lain mengeluarkan memorandum persefahaman, dan antara dasar yang diberikan keutamaan adalah: “Kerjasama dalam proses pembinaan kedamaian yang berkekalan di wilayah sempadan selatan, memberi pertimbangan kepada hak asasi manusia, kewujudan bersama dalam masyarakat berbilang budaya, penyertaan dalam semua sektor, dan meninjau semula misi agensi kerajaan serta undang-undang yang berkaitan dengan keselamatan.”⁷²

Butir-butirnya harus menunggu pembentukan kerajaan dan perlu mengambil kira kehendak para pihak yang berkonflik. Namun, pada masa ini, masih terdapat banyak perubahan struktural dan prosedur yang dapat meningkatkan kemungkinan bagi proses untuk berjaya.

A. *Struktur dan Proses*

BRN dan kerajaan kedua-duanya boleh mengambil langkah-langkah tertentu untuk memperbaiki aspek-aspek struktur serta prosedur dialog. Pengesyoran-pengesyoran utama adalah:

Perwakilan yang seimbang dalam delegasi BRN. Perpecahan antara sayap tentera dan sayap politik dalam BRN menjadi halangan bagi kemajuan dialog dan jika dibiarkan akan menjadi ancaman yang menjejaskan proses damai. Oleh itu BRN seharusnya melantik perwakilan sayap tentera dalam tim rundingan agar dialog semakin diterima oleh para pejuang.⁷³

Mengatur penyertaan kepimpinan senior BRN secara langsung dalam dialog. Setelah penggunaan keganasan selama dua puluh tahun, BRN berisiko untuk membuat kesilapan dalam dialog kerana tiada arahan dasar yang jelas daripada kepimpinan paling senior, yang berbentuk mesyuarat tiga orang.⁷⁴ Kurangnya keterlibatan ini menyebabkan perpecahan dalaman yang boleh membangkitkan keraguan pihak Thai terhadap kesinambungan BRN. Penyertaan tiga orang pemimpin ini yang lebih besar akan dapat menunjukkan komitmen terhadap dialog dan mengurangkan jurang pemisah antara sayap politik dan sayap tentera.

Mengutarakan wawasan. Sebagai sebuah parti yang mendakwa hak untuk memerintah, BRN masih tidak jelas tentang bagaimanakah bentuk pemerintahan Patani. Tentu sekali, konsultasi awam boleh membantu usaha ini, tetapi BRN juga harus berkomunikasi di platform politik yang jelas, tetapi dalam sejarah usaha begini masih berkurangan. Antara perkara lain, hal ini mungkin dapat mendemonstrasikan komitmennya untuk menjauhkan tentangan dengan

⁷¹ Wawancara Crisis Group, Romadon Panjor, Parti Move Forward, Pattani, 19 Januari 2023; Zahari Ishak, *The Motive*, Bicara Patani, Pattani, 19 Januari 2023; Muhammad Aladi Dengni, pengerusi, Civil Society Assembly for Peace (Patani), Pattani, 21 Januari 2023.

⁷² “Memorandum Persefahaman untuk pembentukan kerajaan”, 22 Mei 2023.

⁷³ Pada mesyuarat dialog pusingan keempat, seorang anggota sayap tentera, Deng Awaaji, menghadiri meja rundingan buat kali pertama. Lihat Briefing Crisis Group, *Sustaining the Momentum*, op. cit., p. 6.

⁷⁴ Laporan penasihat keselamatan peribadi, April 2023. Dalam fail Crisis Group.

keganasan, yang selama ini digunakan tanpa ada kaitan yang konkrit dengan matlamat politiknya.

Mengizinkan pengaturan dan kontak yang tidak formal. Delegasi BRN dan kerajaan Thai kedua-duanya mengaku bahawa mengekalkan komunikasi tidak formal melalui saluran belakang (back channel) adalah penting, dan tanpa komunikasi seperti ini, dialog formal tidak akan dapat diwujudkan. Menurut Anas, ketua delegasi BRN, “Perkara biasa bagi sebuah proses damai mempunyai saluran belakang. Ini bukan sesuatu yang istimewa”.⁷⁵ “Kami masih memerlukan sesuatu seperti [saluran belakang]”, ujar Wanlop, ketua panel Thai. “Ia tetap ada faedahnya. Jika ada satu saluran sahaja, kita akan menghadapi pelbagai halangan”.⁷⁶ Antara lain, para pihak perlu cari jalan untuk membincangkan isu-isu tertentu secara tidak formal di luar perhatian media dan pandangan para kritik yang suka mencari kekurangan proses.⁷⁷ Membuat perhubungan seperti ini adalah hak khusus bagi pihak yang berkonflik; Kuala Lumpur harus menghormati pilihan mereka.

Menubuhkan suruhanjaya parlimen untuk memantau dialog. Dialog mungkin akan berterusan untuk beberapa ketika. Pemerkasaan parlimen untuk mengawasi dialog akan menjadikan dialog lebih bersifat demokrasi dengan melibatkan ahli parlimen yang dipilih dari seluruh negara, dan akan membantu untuk mengawal kecenderungan tentera dalam mendominasi hal-hal yang berkaitan dengan keselamatan dalaman. Suruhanjaya parlimen juga boleh membantu dalam menjamin kesinambungan proses bagi kerajaan-kerajaan yang akan datang sebagai tempat untuk menyimpan maklumat serta pengalaman. Akhirnya, ia juga boleh menggerakkan penggubalan undang-undang yang perlu bagi pelaksanaan persetujuan damai. Ia juga boleh menyediakan wadah pertukaran yang lebih baik antara para ahli parlimen dari Thai dan Malaysia, membantu dalam mengukuhkan ikatan dua hala yang tentu akan memanfaatkan dialog. Kerajaan Thai yang akan dibentuk harus berusaha untuk menubuhkan suruhanjaya sedemikian dalam mandatnya untuk menunjukkan komitmennya terhadap dialog.

Memastikan sifat inklusif dialog. Prinsip Am menyatakan keperluan inklusiviti dalam proses secara khusus. Ketua Fasilitator Jeneral Zulkifli membangkit isu ini setelah pusingan keenam, dengan catatan bahawa BRN bersetuju secara prinsip untuk melibatkan PULO dan kumpulan-kumpulan yang lain.⁷⁸ Dalam perbincangan dengan PULO pada 2022, BRN menawarkan dua kerusi dalam pasukan teknik.⁷⁹ Dengan adanya ketegangan yang jelas dalam BRN,

⁷⁵ Wawancara Crisis Group, Anas Abdulrahman, ketua delegasi dialog BRN, Malaysia, 20 Januari 2023.

⁷⁶ Wawancara Crisis Group, Jeneral Wanlop Rugsanaoh, ketua Panel Dialog Damai, Bangkok, 3 Mac 2023.

⁷⁷ Wawancara Crisis Group, ketua kampung wanita beragama Buddha, Pattnai, Januari 2023; Polis Kolonel (ret.) Thawee Sodsong, setiausaha, Parti Prachachart, Pattani, 22 Januari 2023.

⁷⁸ Muzliza Mustafa dan Nisha David, “Malaysian facilitator: BRN agrees to other Thai deep south groups in talks”, Benar News, 22 Februari 2023.

⁷⁹ Wawancara Crisis Group, Anas Abdulrahman, ketua delegasi dialog BRN, Malaysia, 20 Januari 2023.

butir-butir dalam persoalan tentang bagaimana dan bila kumulan lain akan dilibatkan dalam proses itu perlu dikendalikan dengan cermat. Salah satu pilihan bagi para wakil kumpulan pemisah Patani yang berdiaspora adalah membentuk pasukan kerja untuk konsultasi awam. Tetapi PULO serta barisan-barisan pemisah yang lain juga harus dilibatkan, terutamanya dengan adanya risiko bahawa mereka akan mensabotaj proses sekiranya tidak dilibatkan.

B. *Konsultasi Awam*

Menurut Prinsip AM, para pihak harus mengadakan konsultasi dengan masyarakat umum tentang isu-isu yang disenaraikan, termasuk: bentuk pemerintahan; pengakuan jati diri komuniti Patani; hak asasi manusia, keadilan dan hal-ehwal undang-undang; ekonomi dan pembangunan; pendidikan; budaya; dan keamanan serta keselamatan. Ramai pemberi maklumat di wilayah sempadan selatan berpendapat bahawa kegagalan dalam melibatkan orang tempatan dalam proses damai merupakan kekurangan yang ketara dalam dialog selama ini. Untuk menangani kelemahan ini, para pihak seharusnya mengambil langkah-langkah yang berikut.

Komited dalam pelaksanaan konsultasi awam di wilayah sempadan selatan secepat mungkin. Dalam Prinsip Am telah dinyatakan bahawa konsultasi awam akan dilaksanakan “di dalam daerah (konflik)”.⁸⁰ Tetapi, seperti yang disebut di atas, pihak berkuasa Thai mungkin lebih cenderung untuk mengelakkan pandangan-pandangan orang tempatan yang berapi-api dan menyinggung perasaannya, kerana pendapat seperti ini kemungkinan akan timbul dalam perbincangan tentang reformasi susunan politik. Beberapa orang pegawai serta aktivis mengesyorkan alternatif, seperti pertemuan di Malaysia atau peninjauan pendapat.⁸¹ Namun kedua-dua cadangan ini tidak memuaskan. Para wakil pertubuhan masyarakat sivil telah berjumpa dengan para pemisah di Malaysia di bawah seliaan kerajaan Malaysia, tetapi pertemuan seperti ini tidak setanding dengan perbincangan di Thailand.⁸² Tentang peninjauan pendapat, ramai penduduk di wilayah sempadan selatan, baik penganut agama Buddha mahupun Muslim, berharap agar perwakilan BRN akan menjawab soalan-soalannya di depan mata masyarakat tempatan.⁸³ BRN juga mahu interaksi

⁸⁰ “Kedua-dua pihak akan berusaha untuk memastikan mekanism yang selamat dan inklusif bagi tujuan konsultasi di dalam daerah (konflik), berdasarkan prinsip-prinsip maruah, keselamatan, dan kebebasan bersuara, yang akan mencerminkan pandangan serta keperluan semua penduduk di daerah berkenaan, tanpa mengira etnik atau agama. Dalam hal ini, tindakan-tindakan untuk jaminan keselamatan yang sesuai akan diberikan kepada para wakil BRN yang dilantik untuk menyertai konsultasi yang tersebut di atas”. “Prinsip Am Proses Dialog Damai”, 31 Mac 2022.

⁸¹ Wawancara Crisis Group, ketua kampung wanita beragama Buddha; aktivis wanita beragama Buddha, Pattani, Januari 2023.

⁸² Para wakil masyarakat sivil Thai berjumpa dan bertukar pandangan dengan anggota delegasi BRN di Penang, Malaysia, di bawah seliaan Cawangan Khas Malaysia, pada Disember 2022.

⁸³ Wawancara Crisis Group, ketua kampung wanita beragama Buddha, Pattani; wartawan Melayu-Muslim, Pattani, Januari 2023.

seperti ini: delegasinya menegaskan bahawa BRN harus boleh mendekati masyarakat umum pada tahap yang sama dengan kerajaan Thai.⁸⁴

Memberikan perlindungan undang-undang yang perlu bagi anggota BRN untuk mengadakan konsultasi awam di Thailand. Ramai anggota BRN yang berada di luar negara menghadapi risiko penangkapan atas tuduhan yang dikenakan kepada mereka di Thailand. Oleh itu perlindungan undang-undang kepada para wakil BRN merupakan prasyarat bagi konsultasi awam yang adil dan bermakna. Memberikan perlindungan seperti ini adalah cabaran bagi Kementerian Kehakiman Thai, tetapi tindakan seperti ini sama sekali bukan halangan yang tidak dapat diatasi. Ketua delegasi Thai, Jeneral Wanlop sendiri menegaskan bahawa tiada alasan bagi Thailand untuk menolak perlindungan yang perlu bagi BRN dalam melaksanakan konsultasi awam di wilayah-wilayah sempadan selatan.⁸⁵

Mengizinkan pihak ketiga untuk memoderasi/memantau konsultasi awam. Para pegawai Thai juga tertarik dengan idea untuk mengadakan konsultasi awam yang terkawal dengan masyarakat umum pada tahap yang terhad dengan memilih para peserta dengan cermat, dengan harapan agar ia menjadi simulasi bagi pertukaran yang sejati. Tetapi pandangan seperti ini adalah silap. Pertama, para pegawai akan kehilangan peluang untuk mendapat kepercayaan daripada penduduk di wilayah sempadan selatan. Kedua, pertukaran sebegini boleh menambahkan persepsi di kalangan penduduk tempatan bahawa kerajaan Thai tidak serius dalam mencari penyelesaian politik. Sebaliknya, para pihak harus bersetuju untuk membawa pihak ketiga yang dihormati – tokoh-tokoh masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan, institusi atau aktor-aktor asing. Penglibatan pihak ketiga mungkin cara terbaik untuk memastikan bahawa rakyat tempatan di wilayah sempadan selatan menganggap proses ini boleh dipercayai dan adil, dan perkembangan seperti ini pula boleh meningkatkan kemungkinan bagi penyelesaian politik berdasarkan kemahuan rakyat tempatan akan diterima.

Memastikan pendengaran pendapat awam yang bersifat inklusif. Penduduk tempatan di wilayah sempadan selatan mempunyai minat yang cukup tinggi dalam proses damai, dan begitu juga dengan keinginan untuk mengetahui wawasan-wawasan politik yang jelas. Dengan itu, usaha untuk menggalakkan penyertaan dalam konsultasi awam tidak akan sukar. Namun, pihak berkuasa juga harus pastikan agar para peserta mencerminkan kepelbagaian etnik, agama, umur, lapisan masyarakat serta pekerjaan di

⁸⁴ Wawancara Crisis Group, Anas Abdulrahman, ketua delegasi dialog BRN, Malaysia, 20 Januari 2023.

⁸⁵ Wawancara Crisis Group, Jeneral Wanlop Rugsanaoh, ketua Panel Dialog Damai, Bangkok, 3 Mac 2023. Pada 2018, delegasi Thai memberikan kebenaran untuk membuka “rumah selamat (safe house)” sebagai persiapan untuk mengizinkan para anggota MARA Patani, sebuah organisasi payung barisan pemisah yang berdialog dengan Bangkok pada ketika itu, agar mereka dapat menginap di Thailand untuk sementara waktu bagi tujuan memantau kawasan selamat (safety zone) yang dicadangkan. Thapanee Ietsrichai, “Safe house to open as a safety zone coordination centre”, Deep South Watch, 24 Februari 2018 [dalam bahasa Thai].

kalangan penduduk di daerah ini. Penganjur juga harus menyediakan saluran bagi penyertaan wanita dalam konsultasi.

Mengizinkan kebebasan bersuara yang lebih besar. Sesetengah penganut agama Buddha seperti aktivis, ahli akademik, dan pegawai tempatan percaya bahawa ada keterbukaan serta kebebasan bersuara yang lebih besar untuk menyatakan pandangan politik berbanding tahun-tahun sebelum ini, tetapi sentimen ini tidak dikongsi oleh orang-orang Melayu Muslim. Penggunaan mata-mata gelap kerajaan telah tersebar luas, dan ini menambahkan rasa tidak selamat di kalangan penduduk kampung Melayu Muslim, kerana mereka menghadapi risiko untuk dicap sebagai penghasut.⁸⁶ Sekiranya tiada keyakinan bahawa seseorang boleh menyatakan pandangan dengan bebas, maka konsultasi awam juga tidak akan dapat mencapai matlamatnya untuk mendengar keinginan politik orang tempatan. Kerajaan Thai harus menyatakan kepada masyarakat umum dan memberikan jaminan bahawa pandangan-pandangan yang dinyatakan dalam konsultasi awam tidak akan membawa kepada gangguan atau tindakan undang-undang.

V. Kesimpulan

Dialog damai Thailand telah sampai kepada persimpangan yang tidak jelas, dengan adanya perkembangan yang membimbangkan dan juga memberi harapan. Dari satu sudut, dialog sedang tergantung dan penggunaan keganasan pula meningkat. Dari sudut yang lain pula, pemilihan kerajaan Thai baru serta pelantikan ketua fasilitator Malaysia baru juga memberi peluang bagi pendekatan yang lebih segar terhadap dialog yang tidak lancar. BRN harus memanfaatkan tempoh pergantungan dialog ini untuk meningkatkan persefahaman dalaman tentang matlamat politiknya serta peranan yang boleh dimainkan oleh dialog untuk mencapai matlamat ini. Bangkok pula harus prihatin terhadap tekanan yang diterima oleh delegasi BRN daripada sayap tenteranya dan risiko perpecahan, kerana ia boleh membawa kerugian terhadap dialog. Kerajaan Thai juga harus menyambung dialog semula sebagai tanda komitmen untuk menyelesaikan isu keselamatan negara yang paling runcing.

Masyarakat awam juga perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam proses. Bangkok wajib menyediakan persekitaran yang sesuai bagi konsultasi awam yang terbuka, saksama, inklusif serta terus-terang. Matlamat asas yang dinyatakan dalam Prinsip Am dialog – mencapai penyelesaian politik “yang sesuai dengan kehendak komuniti Patani” – memerlukan proses konsultasi awam yang boleh dipercayai. Kejayaan mutlak bagi sebarang persetujuan antara kedua-dua pihak juga bergantung kepada konsultasi ini.

Bangkok/Brussels, 25 Mei 2023

⁸⁶ Wawancara Crisis Group, Phaison Daoh, profesor associate, Fakulti Sains Politik, Universiti Prince of Songkla (Kampus Pattani), Pattani, 22 Januari 2023.



International Crisis Group

Headquarters

Avenue Louise 235, 1050 Brussels, Belgium

Tel: +32 2 502 90 38

brussels@crisisgroup.org

New York Office

newyork@crisisgroup.org

Washington Office

washington@crisisgroup.org

London Office

london@crisisgroup.org

Regional Offices and Field Representation

Crisis Group also operates out of over 25 locations in Africa, Asia, Europe, the Middle East and Latin America.

See www.crisisgroup.org for details

PREVENTING WAR. SHAPING PEACE.